

**DEWAN RAKYAT  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2020)**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD. KADIR  
[ SETIU ]**

**TARIKH : 23 JULAI 2020 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD. KADIR [ SETIU ]** minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan prestasi kualiti udara dan air sungai sepanjang tempoh PKP dan apakah langkah Kementerian untuk mengekalkan keadaan kualiti yang baik ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Adalah menjadi tanggungjawab bersama semua pihak, baik sektor awam mahupun sektor swasta di dalam memastikan kelestarian alam sekitar.
2. Kementerian Alam Sekitar dan Air melalui Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah membuat pemantauan dan analisis perbandingan terhadap Indeks Pencemar Udara (IPU) sebelum dan sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang berkuatkuasa pada 18 Mac 2020. Sejak PKP dilaksanakan terdapat sebanyak **peningkatan 37% IPU bagi bilangan hari bersih di seluruh Malaysia.**

Tuan Yang di-Pertua,

3. Status kualiti air sungai bagi tempoh sebelum PKP dari 18 Ogos 2019 hingga 17 Mac 2020 dan semasa PKP, iaitu 18 Mac hingga 14 April 2020 di

29 stesen pengawasan kualiti air automatik (*real-time*) Jabatan Alam Sekitar di seluruh Malaysia adalah seperti berikut:

- i) 8 stesen iaitu **28%** menunjukkan kualiti air sungai bertambah baik (**Indeks Kualiti Air (IKA) bertambah baik**);
- ii) 8 stesen iaitu **28%** menunjukkan perubahan tidak ketara (**IKA status kekal**); dan
- iii) 13 stesen iaitu **44%** menunjukkan sedikit penurunan kualiti air sungai (**IKA menurun**).

Tuan Yang di-Pertua,

4. Kementerian dalam usaha untuk **mengekalkan keadaan kualiti udara dan air sungai yang baik** ini telah mengenalpasti **6 langkah utama bagi mengawal pencemaran udara dan 4 langkah utama bagi mengawal pencemaran air sungai**.

Sekian, terima kasih.